

CNS6360

U GB 21-08 00196 BD403

aab

Mahathir - Thailand

PROTON MEMASUKI PASARAN THAI

Daripada Syed Jamil Jaafar

1

BANGKOK, 21 Ogos (Bernama) -- Kereta nasional Malaysia, Proton akan memasuki pasaran Thailand dan kemungkinan memasang kereta itu di negara ini pada masa depan sedang dipertimbangkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Thailand tidak mempunyai halangan bagi Proton dieksportkan ke sini tertakluk kepada cukai-cukai biasa.

Perkara ini telah disampaikan kepada beliau oleh rakan sejawatannya, Chuan Leekpai semasa perbincangan mereka pada hari Khamis.

Ketika bercakap pada satu persidangan akhbar, Dr Mahathir berkata pada masa ini Proton tertakluk kepada cukai yang agak tinggi seperti yang dikenakan terhadap kenderaan-kenderaan unit siap dipasang (CBU) yang diimport dari negara-negara lain.

Untuk menjadikan Proton kompetitif, kemungkinan kereta nasional itu menggunakan komponen buatan Thai sedang giat disahakan dan selanjutnya kemungkinan memasang kereta itu di negara ini juga akan dipertimbangkan.

Thailand yang mempunyai 57 juta penduduk belum lagi menghasilkan kereta sendiri. Dengan adanya pasaran terbuka bagi kenderaan, negara ini menawarkan satu lagi pasaran yang menarik bagi Proton yang kini sudahpun dieksport ke United Kingdom, Fiji, Mauritius dan beberapa negara lain. --
lagi

▼21/08/12-13MS*

U GB 21-08 00138 BD404

aab

Mahathir - Thailand 2 Bangkok

Proton sudahpun menggunakan beberapa acuan buatan Thailand.

Dr Mahathir, yang melawat tiga buah kilang yang mengeluarkan acuan seperti itu, berkata industri alat kenderaan merupakan bidang yang Thailand dan Malaysia boleh bekerjasama.

"Kita boleh beli beberapa komponen yang dibuat di Thailand dan mereka boleh membeli sesetengahnya yang kita keluarkan," he said.

Pada persidangan akhbar yang dihadiri ramai wartawan Thai, Malaysia dan kedia asing di Hotel Oriental yang dikatakan hotel terbaik di dunia kerana layanannya, Dr Mahathir menjawab banyak soalan merangkumi pelbagai perkara termasuk peranan China, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan keadaan di Kemboja dan Bosnia-Herzegovina.

Beliau juga menyentuh mengenai segi tiga pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand dan isu-isu dua hala Malaysia-Thailand termasuk masalah di sempadan. -- lagi

▼21/08/12-26MS*

aab

Mahathir - Thailand 3 Bangkok

Dr Mahathir berkata Thailand dan Malaysia kini menikmati hubungan erat dan tidak akan sekali-kali membiarkan masalah sempadan, yang lazim berlaku antara negara-negara jiran, menjejaskan hubungan baik mereka.

Merujuk kepada kejadian membakar sekolah di Thailand Selatan baru-baru ini yang sesetengah pihak mendakwa dilakukan oleh kumpulan pemisah Islam, Dr Mahathir berkata bagi Malaysia, kejadian itu adalah urusan dalaman Thailand.

Malaysia, katanya, tidak pernah menyokong atau memberi perlindungan kepada kumpulan pemisah.

"Memanglah terdapat mereka yang menyeberangi sempadan untuk masuk ke Malaysia," katanya.

Masalah-masalah di sempadan seperti penyeludupan dan kegiatan haram lain telah dikendalikan oleh Jawatankuasa Sempadan Am Malaysia-Thai.

Mengenai segi tiga pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand, beliau berkata ia menyediakan terlalu banyak ruang untuk bekerjasama di antara ketiga-tiga negara bagi mempercepat pembangunan. -- Lagi

▼21/08/14-25MST

CNS6412

R GB 21-08 00143 BD406

aab

Mahathir - Thailand 4 Bangkok

Malaysia, yang kini menghadapi kekurangan tenaga kerja, sebagai contoh, boleh menempatkan semula beberapa industri yang menggunakan ramai tenaga buruh di Indonesia dan Thailand yang terdapat banyak tenaga kerja dan murah.

Beliau berkata Malaysia juga akan mengkaji kemungkinan membangunkan ladang tanaman dan pertanian di Indonesia dan Thailand mengikut konsep segi tiga pertumbuhan.

Industri memproses makanan "halal" untuk dieksport ke Asia Barat adalah satu lagi bidang yang sedang dibincangkan.

Mengenai isu pulau Spratly, beliau berkata China, yang dilawatnya baru-baru ini, telah memberi jaminan bahawa ia bersedia untuk mengadakan perbincangan bagi menyelesaikan perkara itu.

Kelompok pulau dan batu karang di Laut China Selatan itu kini dituntut sepenuhnya atau sebahagiannya oleh China, Malaysia, Vietnam, Filipina dan Brunei.

"Kita tidak anggap China sebagai musuh," kata Dr Mahathir. -- Lagi

▼21/08/14-30MST

aab

Mahathir - Thailand 5 Bangkok

Perdana Menteri juga berkata beliau masih tidak mengubah fikirannya untuk tidak menghadiri sidang kemuncak Kejasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle November ini.

Beliau mengulangi bahawa cadangan sidang kemuncak itu bukan cadangan APEC.

Anggota-anggota APEC termasuk keenam-enam negara anggota Asean, Amerika Syarikat, China dan negara-negara lain di Lingkaran Pasifik.

Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton telah mencadangkan supaya sidang kemuncak itu diadakan dan Malaysia merupakan negara pertama yang menyatakan tidak akan menghadirinya. China pula menyatakan ia akan menyertainya dengan memberi beberapa syarat termasuk membabitkan status Taiwan and Hong Kong (yang juga anggota APEC).

Mengenai saluran hubungan antara Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan APEC, Dr Mahathir berkata beliau nampak EAEC sebagai satu perundingan dalam APEC dan bukan kepunyaan APEC.

"Anggota-anggota EAEC yang juga anggota APEC boleh membawa isu-isu untuk perbincangan di forum-forum APEC tetapi EAEC perlu mempunyai agendanya sendiri," katanya. -- lagi

▼21/08/15-07MSF

R GB 21-08 00156 BD408

aab

Mahathir - Thailand 6 (Akhir) Bangkok

EAEC boleh juga membawa isu-isu bagi perbincangan di forum-forum lain seperti di GATT (Perjanjian Am mengenai Perdagangan dan Tarif).

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Thailand mempunyai pandangan yang sama mengenai keadaan di Kemboja dan Bosnia.

Perdana Menteri yang tiba di sini pada hari Khamis, petang ini berlepas ke Koh Samui, sebuah pulau peranginan di Teluk Siam, untuk melihat secara dekat pembangunan pelancongan di sana. Beliau akan berlepas pulang dari Koh Samui esok.

Pagi ini, Chuan membuat kunjungan perpisahan terhadap Dr Mahathir di bilik penginapannya.

Rombongan Dr Mahathir mengandungi Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, pengerusi Lembaga Pembangunan Langkawi Tun Daim Zainuddin dan pegawai-pegawai kanan.

Rombongan itu juga turut disertai oleh 32 ahli perniagaan yang diketuai oleh Pengarah Urusan YTH Corporation, Datuk Francis Yeoh.-- Bernama

SJ LDB OA

▼21/08/15-08MSF